

Negeri Sembilan jadi negeri maju 2025

JELEBU – Negeri Sembilan mempunyai potensi besar untuk mencapai status negeri maju setanding negeri lain di negara ini menjelang 2025.

Misi tersebut mampu dicapai dengan pelbagai sokongan asas termasuk daripada pelaburan menggalakkan yang terus meningkat saban tahun.

Buktinya, Negeri Sembilan kini dilihat sebagai antara destinasi wajib dan pilihan para pelabur dari dalam dan luar negara sekali gus memberi impak positif dari segi ekonomi selain pembangunan dan infrastruktur yang efisien serta konstruktif.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, Kerajaan Negeri Sembilan kini meletakkan negeri tersebut tidak lagi dilihat seperti ketinggalan, malah sebaliknya kepemimpinan beliau bakal mengorak langkah dalam membawa arus kemajuan pesat hasil perancangan rapi, strategik dan energetik.

Tambah beliau, projek seperti Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV2.0) antara pemacu ekonomi cukup signifikan kepada pertumbuhan pembangunan negeri bertuah itu.

Lebih membanggakan katanya, nilai pelaburan yang diraih Negeri Sembilan dalam tiga tahun kebelakangan ini amat memberangsangkan di sebelah pertumbuhan ekonomi nasional yang perlahan.

"Walaupun 2020 adalah tahun mencabar dari segi politik, sosial dan ekonomi, Negeri Sembilan berjaya mencatat rekod cemerlang apabila mencapai jumlah pelaburan keseluruhan RM793 bilion dengan RM3.83 bilion adalah daripada pelaburan asing.

"Pelaburan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Negeri Sembilan mencatatkan RM6.3 bilion iaitu nilai terbaik pernah dicatatkan.

"Daripada jumlah tersebut, pelaburan dalam sektor pembuatan sahaja mencatat RM6.18 bilion iaitu tertinggi berbanding tahun sebelumnya," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Tambah Aminuddin, hasil nilai pelaburan yang tinggi diterima itu berjaya mewujudkan sebanyak 5,823 peluang pekerjaan baharu menerusi 167 projek yang dilaksanakan.

"Dari sudut komposisi ekonomi pula, sektor perkhidmatan dan pembuatan mendominasi ekonomi Negeri Sembilan dengan jumlah sumbangan 87.5 peratus.

"Dua tahun sebelumnya iaitu pada 2020, sektor perkhidmatan menyumbang 51.4 peratus, manakala pembuatan (36.2%), pertanian (7.2%), pembinaan



MENTERI Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr. Razali Ab. Malik mengilarkan Jalur Gemilang ketika nyanyian lagu patriotik dalam satu majlis pesta buku di Seremban baru-baru ini.

dan perlombongan (3.0%) dan pengkuarian 0.5%," katanya.

Jelas Aminuddin, kerajaan negeri berbesar hati dengan pencapaian itu kerana angka berkenaan berjaya menempatkan Negeri Sembilan berada pada kedudukan keenam terbaik antara negeri di Malaysia.

Berikutan kejayaan yang dilakar itu, beliau berkata, beberapa

langkah proaktif diambil, termasuk menawarkan beberapa insentif khas kepada pelabur melalui program Tahun Melabur Negeri Sembilan 2021.

Insentif yang ditawarkan itu termasuklah promosi bersama, fasilitasi menyeluruh atau end-to-end handholding, mengurangkan birokrasi dan pembabit orang tengah selain proses kelulusan khas dengan kadar segera serta bayaran premium tanah secara berperingkat.

Ujarnya, kerajaan negeri menetapkan dasar mesra pelabur dengan sasaran 'pelaburan berganda' iaitu menetapkan nilai pelaburan masuk tahun semasa yang meningkat dari tahun ke tahun.

"Bagaimanapun sasaran pelaburan yang kita tetapkan

tahun ini adalah sebanyak RM10 bilion ternyata sedikit terjejas susulan pandemik Covid-19 yang bukan sahaja melanda negara ini, malah dunia secara amnya.

"Kerajaan negeri terpaksa mengubah sasaran itu kepada RM5 bilion yang dianggap realistik, relevan dan diyakini mampu dicapai menerusi indikasi yang ada.

"Malah, setakat suku pertama tahun ini, Negeri Sembilan berjaya mencatatkan nilai pelaburan yang begitu memberangsangkan iaitu RM1.63 bilion meliputi sektor pembuatan, hartanah, kewangan, perkhidmatan, perdagangan, pengedaran, utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan.

"Secara tidak langsung, ia menawarkan 1,165 peluang

pekerjaan kepada rakyat menerusi 48 projek.

"Ini dilihat sebagai satu prestasi yang baik ketika kita masih bergelut berhadapan cabaran Covid-19," katanya.

Dalam pada itu, Aminuddin menambah, kerajaan negeri turut melaksanakan pelbagai pakej insentif bagi menarik minat pelabur ke negeri berdaulat itu.

Fokus kerajaan negeri ialah pelaburan berteknologi tinggi yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negeri, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri menyasarkan membawa masuk pelaburan berkualiti ke negeri ini bagi memjana pendapatan yang lebih baik kepada rakyat.

Sementara itu, bagi mengekalkan daya saing tinggi dan merancakkan ekonomi, kerajaan negeri menggariskan ekonomi berteraskan ilmu seiring Revolusi Industri (IR) 4.0.

Katanya, keupayaan ekonomi bernilai tinggi yang berteraskan sumber strategik dan penerokaan sumber dihadkan menjadi tumpuan agar tidak menjelaskan keperluan generasi akan datang.



Walaupun 2020 adalah tahun mencabar dari segi politik, sosial dan ekonomi, Negeri Sembilan berjaya mencatat rekod cemerlang apabila mencapai jumlah pelaburan keseluruhan RM793 bilion dengan RM3.83 bilion adalah daripada pelaburan asing."

AMINUDDIN



Selamat Hari Kebangsaan 2022

Setulus ikhlas daripada



YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus